

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : PERASMIAN PEMBUKAAN KHEMAH KERJA BIMBINGAN SRP/SPM PERSATUAN
BADAN BERKANUN MALAYSIA
Lokasi : KOMPLEKS JEMAAH HAJI, KELANA JAYA
Tarikh : 06-11-1989

Bismillahir rahmanir rahim.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Dif-dif Kehormat; Puan-puan dan tuan-tuan sekalian, Saya mengucapkan terima kasih kepada Persatuan Badan Berkanun Malaysia kerana menjemput saya merasmikan Khemah Kerja Bimbingan SRP/SPM 1989. Kali pertama saya dijemput merasmikan Khemah Kerja ini ialah pada tahun 1987 dan saya sungguh gembira kerana dapat sekali lagi bersama-sama dengan puan-puan dan tuan-tuan serta anak-anak sekalian pada pagi ini.

2. Saya mengucapkan tahniah kepada Persatuan Badan Berkanun Malaysia kerana berjaya menganjurkan Khemah Kerja ini selama lima tahun berturut-turut semenjak tahun 1985.

Ini merupakan satu usaha yang menggalak dan membanggakan.

3. Langkah ibu bapa menghantar anak-anak menyertai program ini adalah kerana mereka mempunyai kesedaran yang mendalam dalam bidang pendidikan anak-anak. Mereka juga sedar akan kepentingan masa supaya tidak terluang begitu sahaja semasa cuti persekolahan. Syabas diucapkan kepada ibu bapa yang mempunyai kesedaran ini.

4. Saya ingin menekankan kepada ibu bapa sekalian bahawa program ini memerlukan usaha-usaha 'follow up' yang berterusan supaya cita-cita dan semangat Khemah Kerja ini dapat diteruskan untuk melahirkan individu-individu yang berjaya.

Puan-puan dan tuan-tuan sekalian,

5. Kejayaan seseorang individu itu bergantung kepada berbagai faktor seperti faktor pendidikan secara 'total', faktor persekitaran yang sihat dan juga faktor di luar jangkauan. Individu yang berjaya pula adalah mereka yang dapat menyesuaikan diri dalam apa juga situasi tanpa menjejaskan nilai-nilai keperibadian yang luhur.

6. Keperibadian individu banyak bergantung kepada pendidikan awal. Ini bermakna tahun-tahun asas adalah amat penting bagi menentukan bahawa individu mempunyai satu sistem nilai yang akan menjadi pembimbing ke arah kejayaan. Nilai seperti ini mestilah ada sebelum anak-anak ini memasuki ke alam persekolahan. Sebagai contoh, anak-anak ini mesti seharusnya tahu menggunakan kata-kata mudah seperti 'tolong' dan 'terima kasih'. Ini adalah asas pembentukan akhlak yang mulia sebagaimana yang dituntut oleh agama kita.

7. Pembentukan akhlak bukanlah satu proses yang berjalan dalam masa yang singkat tetapi ianya berterusan. Hakikat ini membawa ke arah pencapaian yang sentiasa ingin kita tingkatkan. Kita percaya bahawa dalam memperbaiki kehidupan, kita perlu kepada sumbangan dan pengorbanan.

Kita sering diperingatkan bahawa kita perlu menyumbangkan bakti dalam hidup ini. Anak-anak yang akan mewarisi generasi sekarang harus diberi pendedahan positif dan tersusun secara sedar agar mereka tahu bahawa mereka mempunyai fungsi atau tanggungjawab masyarakat dan negara.

8. Perkara utama ialah melaksanakan tanggungjawab pada tahap yang paling sempurna dan cemerlang. Ketelitian hasil daripada perkara-perkara sekecil-kecil seperti memakai kasut misalnya, akan menentukan bahawa langkah kita betul, tepat dan yakin. Seterusnya ia akan memberi kita 'added- advantage' dalam menghadapi perjalanan dan mencapai kecemerlangan.

9. Inilah yang menjadi kunci dan cara-cara pemikiran masyarakat dunia. Inilah yang mesti kita kembang-biakkan dalam jiwa anak-anak supaya mereka hidup, di mana kecemerlangan menjadi amalan dan asam garam kehidupan. Kita tidak mahu ketinggalan lagi, kita mahu terus maju dan berjaya secara menyeluruh.

10. Kecemerlangan di dalam segala aspek kehidupan merupakan semangat dan cita-cita yang ingin diutarakan oleh Kerajaan hari ini. Dalam menyahut matlamat ini, kita hendaklah sama- sama merenungi dan selalu menyoal adakah itu yang terbaik yang telah kita laksanakan. Selagi jawapannya 'tidak', maka menjadi tanggungjawab kita untuk memperbaikinya supaya kita berjaya mencapai kecemerlangan. Begitu juga dalam suasana belajar, mencapai tahap terbaik akan memberi satu kepuasan yang merupakan hadiah yang istimewa bagi jiwa kita. Rasa kepuasan ini akan mendapat kesan gandaan dan kecemerlangan akan sentiasa dicapai. Inilah yang kita mahu tanamkan dalam diri anak-anak, kerana ia akan membantu melahirkan individu, keluarga, masyarakat, bangsa dan negara yang akan disenangi dan disegani oleh semua.

Anak-anak sekalian,

11. Saya juga ingin menyentuh serba sedikit mengenai sistem kekeluargaan di negara ini yang masih perlu dipertingkatkan. Bagi melahirkan generasi berdaya maju, saya ingin memberi contoh dalam masyarakat Jepun misalnya, di mana keluarga menjadi nadi kekuatan dalam memantapkan tata susila sehingga menjadi amalan harian mereka. Misalnya hormat kepada orang yang lebih tua dan berpengalaman. Dalam masyarakat Jepun yang berjaya, jarang sekali terdapat orang yang lebih muda tidak bertegur-sapa dengan orang yang lebih tua. Anak-anak sekalian hendaklah cuba mengamalkan sikap menghormati ini di sepanjang program supaya dapat merasakan budaya hormat ini.

12. Berbalik kepada Khemah Kerja ini, sekali lagi saya mengucapkan tahniah kepada pihak penganjur kerana secara konsisten mengajar dan membuat perubahan. Kejayaan program ini dapat diukur daripada sambutan yang sungguh membanggakan.

13. Saya berharap usaha ini akan dapat diteruskan dan berusaha untuk memperbaiki dan meningkatkan asas yang ada untuk memberi manfaat kepada seluruh masyarakat. Saya berharap kepada anak-anak dan ibu bapa agar menggunakan kesempatan ini untuk sama-sama meninggikan taraf kehidupan.

14. Dengan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan Khemah Kerja Bimbingan SRP/SPM 1989 ini.

Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.